

Dilema pembinaan negara bangsa

KU HASNAN BIN HAJI KU HALIM

Isu dilema Melayu di negara kita merupakan perkara yang harus dititik beratkan oleh semua bangsa Melayu. Satu elemen yang sangat penting dalam membina kekuatan Melayu itu sendiri dari segi pendidikan, perpaduan dan kerjasama yang utuh antara satu sama lain.

Sejak merdeka, bangsa Melayu telah mengorak langkah di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak, di mana karismatik beliau dengan anugerah unik sifat-sifat kepimpinannya yang telah berjaya mengubah corak kehidupan masyarakat Melayu dengan lebih baik.

Namun, perubahan sikap orang Melayu terjadi selepas tercetusnya peristiwa 13 Mei disemarakkan oleh mantan perdana menteri keempat iaitu Dr Mahathir dan kepimpinan pasca beliau mutakhir ini dengan bangsa Melayu dan negara Malaysia telah dikenali sehingga ke pelosok dunia.

Dilema Melayu itu dikhabarkan bermula pada tahun 1970 apabila

nada-nada sumbang, ungkit-mengungkit dan tuntutan mula dibuat oleh golongan bukan Bumiputera.

Dilema Melayu masih wujud kerana masih ada dalam aspek lain yang menyangkut untuk mengisi kemerdekaan seperti masalah kebudayaan, perpaduan orang Melayu sendiri yang berpecah belah, parti politik yang bersifat peretnitan, masalah dadah dan banyak lagi.

Timbul persoalan tentang arah tuju pemimpin negara dalam membawa Malaysia. Ia harus diterjemahkan dengan langkah oleh kerajaan dalam mengekalkan institusi ketuanan Melayu.

Pada masa akan datang, pemerintahan negara oleh Melayu, kejayaan orang Melayu berbanding etnik lain dan banyak lagi.

Masalah yang melanda dalam generasi kini ialah lunturnya semangat kebangsaan. Mereka lupa sejarah kebangkitan orang Melayu dalam menuntut kemerdekaan.

Masyarakat Melayu juga mengalami dilema tentang arah manakah negara hendak dituju. Ini disebabkan orang Melayu menghadapi tekanan hidup dalam kemiskinan,

kemunduran dalam pelajaran serta pemimpin kurang memberi perhatian serius tentang masalah orang Melayu.

Namun semenjak merdeka, bangsa Melayu telah mengorak langkah di bawah kepimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak kerana sifat keperibadiannya telah dapat mengubah corak kehidupan orang Melayu dengan lebih baik sekali gus dapat menebus maruah bangsa Melayu yang dihina suatu ketika dahulu.

Walaupun dilema Melayu berkisar kepada persoalan kemiskinan dan juga kekurangan pelajaran dalam bangsa Melayu, namun banyak kemajuan telah dicapai dan usaha-usaha itu tetap diteruskan demi kemajuan negara. Ini telah membuktikan kesungguhan dalam usaha-usaha yang dibuat dapat membuah hasil berterusan walaupun tidak secara drastik.

Sebagai rumus bicara, masalah dilema Melayu boleh diperbaiki sekiranya wujud perpaduan dalam etnik Melayu itu sendiri dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi di negara kita. Contohnya,

Dilema Melayu itu dikhabarkan bermula pada tahun 1970 apabila nada-nada sumbang, ungkit-mengungkit dan tuntutan mula dibuat oleh golongan bukan Bumiputera.

Dr Mahathir pernah menyatakan dalam buku *Dilema Melayu* yang faktor keturunan menyumbang kepada prestasi buruk orang Melayu namun kita dapat lihat pada masa kini hasil migrasi ke bandar-bandar telah mengubah cara hidup Melayu yang lebih baik. Ini kerana pemikiran kita semakin terbuka dengan pengetahuan yang ada dari segala aspek kehidupan.

Sejarah Melayu pada zaman dahulu juga boleh dijadikan suatu rujukan untuk kita melihat di mana kesilapan kita agar tidak berulang lagi pada masa hadapan.

Selain itu, kita juga dapat melihat

peningkatan dalam bidang pendidikan pada masa kini seperti peratusan wanita dalam bidang pendidikan terus meningkat berbanding zaman dahulu.

Ini juga telah menunjukkan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan kepada etnik Melayu amat sesuai dengan semua golongan, di samping tidak menyisihkan etnik lain agar dapat menyatukan perpaduan antara etnik di negara kita.

Kita bangsa yang bertegang urat leher apabila berhujah tetapi tidak sampai berperang-parangan sesama kita.

Itulah keunikan kita bangsa Malaysia. Biar pucuk menjulang ke langit tetapi akarnya tetap berpasak di bumi seperti yang pernah diungkapkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

** Penulis ialah Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Sosial,
Pusat Pengajian Umum
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*